



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

TADIKA ISLAM MAIWP PRESINT 18 TERIMA SUMBANGAN CSR SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

PUTRAJAYA, 26 Februari – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) hari ini menyampaikan sumbangan CSR kepada Tadika Islam MAIWP, Presint 18. Sumbangan CSR tersebut disampaikan oleh YBhg. Dr. Zaitun binti Abu Bakar, isteri Menteri Wilayah Persekutuan semasa Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Wilayah Persekutuan Putrajaya hari ini. Program ini diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Alam Flora Sdn. Bhd, Puspanita KWP dan Agensi.

Sumbangan CSR sebanyak RM40,000.00 ini akan digunakan bagi membiayai yuran pengajian 13 orang pelajar terpilih dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan, anak yatim, orang kurang upaya serta dari kalangan kumpulan B40. Pembiayaan yuran pengajian ini adalah separuh daripada yuran penuh iaitu sebanyak RM150.00 setiap seorang secara bulanan dan sebahagian lagi perlu dibiayai oleh ibu bapa atau penjaga. Manakala, sebahagian lagi dana adalah untuk *food bank* tadika bagi membolehkan 297 pelajar sesi persekolahan 2019 mendapat makanan dan minuman tambahan berkhasiat.

Pihak Alam Flora Sdn. Bhd turut menyumbangkan tiga tong kitar semula yang ditempatkan di setiap lot tadika secara berperingkat. Dengan ini, tadika boleh menjana pendapatan tambahan secara berterusan kepada tabung *food bank* ini melalui penjualan barangan kitar semula seperti kotak, kertas, tin dan plastik kepada pihak Alam Flora Sdn. Bhd. Alam Flora Sdn. Bhd juga akan memberi pendidikan secara percuma mengenai amalan 3R [*reduce, reuse, recycle*] dengan mengadakan sesi taklimat serta aktiviti kitar semula kepada semua pelajar. Inisiatif ini bagi memupuk amalan kitar semula dan sayangkan alam sekitar dibudayakan sejak kecil lagi supaya menjadi amalan sehingga dewasa kelak. Kementerian sangat menyokong inisiatif ini supaya menimbulkan kesedaran bukan semua bahan buangan atau sampah perlu dilupuskan tetapi boleh dikitar semula di samping dapat menjana pendapatan secara kreatif.

KWP turut berharap badan-badan korporat, organisasi swasta dan individu persendirian dapat melibatkan diri secara aktif melaksanakan program-program CSR seperti ini bagi berkongsi rezeki bersama-sama golongan yang kurang berkemampuan.

Disediakan oleh :

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
26 Februari 2019**